

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN HAJI MUHAMAD
BIN MUSTAFA
TARIKH : 10 DISEMBER 2019 (SELASA)

Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha yang dibuat bagi mewujudkan sistem kawal selia dan pengumpulan maklumat yang terperinci berkenaan pusat asuhan kanak-kanak termasuk secara persendirian di rumah agar dapat mengelakkan insiden yang tidak diingini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa mengambil serius terhadap keselamatan kanak-kanak dalam TASKA. Antara usaha yang telah dilakukan adalah:

- i. Mewajibkan pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) di TASKA yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui Surat Pekeliling Ketua pengarah Kebajikan Masyarakat Bil 1/2015;
- ii. Melaksanakan pemantauan secara mengejut dan berkala ke atas TASKA berdaftar bagi memastikan kualiti dan keselamatan di TASKA terjamin;
- iii. Mengesan TASKA yang beroperasi tanpa berdaftar;
- iv. Memastikan TASKA yang berdaftar mematuhi syarat minimum yang telah ditetapkan oleh JKM dan mematuhi Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 serta Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012;
- v. Tindakan penguatkuasaan sebagaimana peruntukan Akta TASKA 1984 bagi TASKA tidak berdaftar seperti Lak, Kompaun dan Pendakwaan. Manakala bagi TASKA yang berdaftar yang tidak mematuhi Akta dan Peraturan TASKA, tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil adalah Arahan Bertulis, Tutup Sementara, Batal Pendaftaran, Lak, Kompaun dan Pendakwaan di Mahkamah. Statistik 2018 Sehingga Oktober 2019, sebanyak 312 tindakan penguatkuasaan telah diambil ke atas TASKA yang tidak berdaftar dan TASKA

berdaftar yang tidak mematuhi Akta TASKA 1984 dan Peraturan TASKA 2012;

- vi. JKM juga memastikan status pendaftaran TASKA sentiasa dikemas kini dalam portal JKM bagi memudahkan ibu bapa membuat semakan sebelum menghantar anak ke TASKA;
- vii. JKM juga mengadakan program-program seperti Jom Daftar bagi memberi kesedaran kepada ibu bapa tentang kaedah pemilihan pengasuh di rumah untuk anak sendiri;
- viii. Kementerian juga melancarkan Infografik Senarai Semak Pemilihan Pengasuh di Rumah bagi meningkatkan kesedaran ibu bapa dalam pemilihan pengasuh di rumah; dan
- ix. Menyediakan sistem eDKK untuk membuat saringan terhadap individu yang ingin bekerja dalam bidang yang melibatkan kanak-kanak bagi memastikan individu tersebut bebas jenayah seterusnya meminimumkan risiko keselamatan kanak-kanak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR PUAN RAJ MUNNI BINTI
SABU
TARIKH : 10 DISEMBER 2019 (SELASA)

Puan Raj Munni Binti Sabu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah kes keganasan rumah tangga menjadi semakin serius. Mohon nyatakan statistik terkini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu keganasan rumah tangga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil tindakan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]. Menerusi akta ini, Kerajaan memperuntukkan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya. Tindakan segera akan dijalankan bersama agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), mahkamah dan agensi yang berkaitan bagi memastikan segala bentuk keganasan rumah tangga dapat di bendung. Berdasarkan statistik PDRM jumlah kes yang dilaporkan dari tahun 2016 hingga 2018 adalah sebanyak **16,730** kes manakala jumlah kes yang dilaporkan ke Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi tempoh yang sama adalah **2,267** kes. Perbezaan statistik antara PDRM dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah kerana tidak semua kes yang membuat laporan ke PDRM akan hadir ke JKM kerana mereka tidak memerlukan perkhidmatan yang disediakan oleh JKM.

Berdasarkan statistik JKM, jumlah kes yang hadir ke JKM untuk mendapatkan perkhidmatan adalah menurun dari tahun 2016 hingga 2018 iaitu sebanyak **898** kes (2016) kepada **767** (2017) dan **602** (2018). Walaupun terdapat penurunan bagi kes yang mendapatkan perkhidmatan di JKM tetapi ia tidak boleh menggambarkan tahap keseriusan kes kerana JKM memberi perkhidmatan membantu mangsa berdasarkan tafsiran keganasan yang terdapat dalam Akta 521 iaitu :

- i. Secara bersengaja atau dengan disedarinya meletakkan, atau cuba meletakkan mangsa itu dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal;
- ii. Menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa itu dengan sesuatu perbuatan yang diketahui atau yang sepatutnya diketahui akan menyebabkan kecederaan fizikal;
- iii. Memaksa mangsa itu dengan paksaan atau ancaman untuk melakukan apa-apa kelakuan atau perbuatan, berbentuk seksual ataupun selainnya, yang mangsa itu berhak tidak melakukan;
- iv. Mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan mangsa itu;
- v. Melakukan khianat atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta dengan niat untuk menyebabkan atau dengan disedari bahawa ia berkemungkinan menyebabkan kesedihan atau kegusaran kepada mangsa itu;
- vi. Dengan curang menggelapkan harta mangsa yang menyebabkan mangsa itu mengalami kesedihan kerana kerugian kewangan;
- vii. Mengugut mangsa dengan niat untuk menyebabkan mangsa itu takut akan keselamatan dirinya atau keselamatan hartanya, takut akan keselamatan pihak ketiga, atau mengalami kesedihan;
- viii. Berhubung dengan mangsa, atau berhubung dengan pihak ketiga tentang mangsa, dengan niat untuk mengaibkan kehormatan mangsa itu melalui apa-apa cara, elektronik atau selainnya;
- ix. Menyebabkan penderaan psikologi yang termasuklah kecederaan emosi kepada mangsa;
- x. Menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain tanpa kerelaan mangsa atau jika kerelaan diberikan, kerelaan itu diperolehi dengan cara yang menyalahi undang-undang; atau

- xi. Dalam hal jika mangsa adalah seorang kanak-kanak, menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain.

Bagi tahun ini sehingga Jun 2019, sebanyak 340 kes telah dilaporkan ke Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Daripada jumlah tersebut **316** mangsa adalah perempuan dan **24** kes adalah lelaki. Tiga (3) negeri yang mencatatkan kes keganasan rumah tangga yang tertinggi ialah Selangor sebanyak 91 kes (27%), diikuti Pahang 56 kes (16%) dan Kedah 34 kes (10%).

KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah menjalankan pelbagai program advokasi kempen kesedaran berkaitan keganasan rumah tangga dan psiko pendidikan sepanjang tahun di 15 buah negeri seluruh negara ke arah memberi kesedaran serta celik undang-undang dalam menangani kes berkaitan. Antara program yang dijalankan oleh JPW adalah seperti berikut :

- i. Perkhidmatan kaunseling motivasi;
- ii. Klinik Guaman;
- iii. Klinik D'Stress;
- iv. Program Wanita Anti Jenayah (WAJA); dan
- v. Kempen menangani keganasan terhadap wanita sepanjang tahun.

JPW juga turut melatih kumpulan wanita dalam komuniti dengan ilmu asas kaunseling yang dikenali dengan kumpulan *Lay Counselor*. Kumpulan ini merupakan sukarelawan barisan hadapan membantu

komuniti yang mengalami pelbagai masalah termasuklah keganasan dalam rumah tangga.

Klinik Guaman dilaksanakan dengan membincangkan isu-isu berkaitan dan tindakan yang boleh diambil oleh wanita yang mengalami keganasan rumah tangga. Manakala Klinik *De'Stress* pula memberi pendedahan personaliti diri, kemahiran asas kaunseling, kemahiran komunikasi dan teknik pengurusan emosi seperti tekanan, marah, kebimbangan dan sebagainya di peringkat Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN). Program WAJA pula telah dilaksanakan bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat khususnya mengenai jenayah melalui seminar dan ceramah.

Selain itu, JPW telah melancarkan Kempen Menangani Keganasan Terhadap Wanita. Kempen ini dilaksanakan sepanjang tahun dan secara berterusan di setiap program-program JPW dengan mengumpulkan tandatangan sebagai tanda menyokong kempen tersebut.

Kerajaan juga akan mewujudkan Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga yang merupakan platform pemantauan dan penyelarasan usaha menangani kes keganasan rumah tangga antara agensi Kerajaan dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO). Platform untuk menangani keganasan rumah tangga akan berfungsi di dua peringkat iaitu di peringkat persekutuan dan negeri. Fungsi Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti isu dan masalah serta membincangkan kaedah penyelarasan yang terbaik dan *sustainable* bagi menangani sesuatu isu berkaitan keganasan rumah tangga yang dibangkitkan melalui keterlibatan pihak-pihak berkepentingan;

NO SOALAN: 70

- ii. Sebagai pemudah cara dan perantara bagi memastikan perundangan berkaitan keganasan rumah tangga termasuk Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521], prosedur operasi standard agensi Kerajaan serta garis panduan berkaitan keganasan rumah tangga dilaksanakan dengan baik dan berkesan; dan
- iii. Membentuk persefahaman melalui jaringan kolaborasi strategik antara semua agensi Kerajaan dan pertubuhan bukan Kerajaan bagi memastikan kes keganasan rumah tangga dapat diselesaikan dengan baik.